

23/07/1997

Tindakan tangani spekulasi dikaji

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan mengkaji mengenai tindakan yang mungkin diambil bagi menangani masalah spekulasi terhadap ringgit.

"Saya akan dapatkan maklumat daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kini balik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Kalau boleh saya fikir apa-apa cara, saya akan kemukakan pendapat saya.

"Kalau tak boleh, saya ikut sajalah," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya daripada bercuti selama dua bulan di luar negara.

Serangan spekulasi berterusan terhadap ringgit serta terhadap baht Thai, rupiah Indonesia dan peso Filipina, mengakibatkan ringgit jatuh ke paras paling rendah sejak tiga tahun pada 2.62 daripada 2.50 dua minggu lalu.

Hari ini ringgit stabil di pasaran pertukaran wang asing dengan ditutup pada 2.6200/20, berbanding dolar Amerika tetapi paras itu lebih rendah daripada penutupan semalam 2.6150/00 kerana dana di Amerika Syarikat mengambil untung terhadap dolar.

Apabila ditanya sama ada semua negara Asean akan berusaha bersama menyerang balas spekulator mata wang negara-negara Asean, beliau hanya menyatakan rasa tidak senang hati terhadap mereka.

(END)